



Inspirasi kepada orang lain

Kuala Lumpur: Kekentalan Nayli Hannah Azlan, pesakit kanser tisu atau *Ewing Sarcoma* tahap dua untuk terus fokus kepada pelajaran bagi mengejar impian menjadi doktor atau arkitek mampu memberi inspirasi kepada mereka yang lain.

Namun, Nayli perlu dibantu dalam empat aspek untuk terus kekal bersemangat dan tidak berputus asa dalam mengharungi penyakit yang dialaminya.

Ketua Seksyen Psikoterapi dan Intervensi Bah-

gian Kaunseling Universiti Putra Malaysia (UPM) Siti Fatimah Abdul Ghani berkata, remaja berpenyakit berpanjangan perlu diberi sokongan dalam empat elemen utama iaitu psikologi, spiritual, biologi dan sosial.

“Bantuan psikologi lebih kepada sokongan emosi, kasih sayang, penghargaan, penghormatan dan layanan tanpa syarat dengan melayan mereka seperti mana orang sihat supaya pesakit tidak terasa terasing, tetapi harus terbatas sesuai dengan keadaan kesihatan.

“Dari segi spiritual pula, ia lebih kepada fahaman jati diri secara dalaman berbentuk kerohanian dan semangat untuk teruskan kehidupan serta melakukan kebajikan dan yang bermanfaat katanya ketika diminta mengulas mengenai keazaman Nayli yang tekad fokus SPM untuk mencapai cita-cita menjadi doktor atau arkitek yang laporkan Harian Metro, semalam.

SITI FATIMAH

LAPORAN muka depan Harian Metro, semalam.

AZAM NAYLI

Nayli Hannah Azlan, 16, tidak menduduki Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) tahun ini akibat kanser tisu yang menyaksikan siku kanannya dibedah selain menjalani kemoterapi sebanyak 14 kali. Namun pada 2018 ini dia yang memasuki Tingkatan Empat berazam untuk gemerleng dalam Sesi Pengajaran Malaysia (SPM) tanpa gebaranya.